

06 OCT 1996

Rais-Bubar

RAIS: MELAYU MESTI BERSATU UNTUK KEBAIKAN MASA DEPAN

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Timbalan Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Datuk Rais Yatim berkata untuk menghadapi masa depan yang lebih mencabar, seluruh perjuangan umat Melayu perlu disatukan.

Beliau berkata, jangan dipersoalkan siapa yang menang dan siapa yang kalah dalam usaha penyatuan ini tetapi yang lebih penting ialah penyatuan Melayu dan "survival" akan datang.

"Apa yang kita lakukan ini adalah sesungguhnya pelengkap kepada hasrat ramai ke arah penyatuan dan perpaduan Melayu," katanya ketika membentangkan usul pembubaran parti Semangat 46, di sebuah hotel, di sini.

Beliau berkata, pembubaran ini adalah lantaran ingin mengisi kehendak penyatuan bangsa yang semestinya akan memanfaatkan agama dan tanahair.

Beliau berkata, yang bubar hanya sebuah pertubuhan yang didaftarkan tetapi semangat perjuangan anggota dan pemimpin parti Semangat 46 tetap hidup sepanjang masa.

Rais berkata "walaupun ini usul terakhir kita, walaupun ini perhimpunan terakhir Parti Melayu Semangat 46, percayalah perhimpunan khas ini adalah suatu permulaan kepada perjuangan yang lebih besar dan luas."

Beliau berkata apa yang dilakukan hari ini ialah hasil pemerhatian, pertimbangan dan pengamatan mendalam yang memakan masa yang lama.

Katanya, kini orang Melayu berdepan dengan pelbagai ancaman termasuk dari luar dan dalam, ancaman ekonomi, kehilangan nilai diri dan identiti sebagai satu bangsa yang berwibawa yang mesti dihadapi bersama oleh seluruh orang Melayu.

Beliau berkata seluruh orang Melayu harus menyedari bahawa bangsanya masih miskin, walaupun sudah ada sebilangan yang menjadi jutawan, kebanyakan melalui kuasa politik.

Katanya, sebagai pejuang mereka mesti mempunyai pemikiran yang jelas dalam usaha perpaduan ini dan menambah dalam hubungan ini Pas sebagai parti Melayu juga tidak terkecuali.

Rais berkata kedua-dua pemimpin (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Tengku Razaleigh Hamzah "sudah nampak gunung setelah kabus menghilang."

Katanya, mereka sudah nampak bahayanya jika orang Melayu yang sedikit ini terus bertembung politik sedangkan masih terlalu banyak harus diselesaikan untuk mengisi perpaduan Melayu.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Rais berkata tindakannya dulu membakar jambatan penghubung dengan UMNO merupakan satu metafora politik.

Beliau berkata apa yang lebih penting baginya sekarang ialah jambatan perpaduan orang Melayu.

Beliau berkata kemasukan beramai-ramai pemimpin dan anggota S46 ke dalam UMNO tidak akan menjadikannya satu puak yang berasingan.

Katanya anggota S46 apabila berada dalam UMNO kelak akan turut bersama membuat teguran yang membina.

Rais berkata, beliau begitu kagum dengan sikap keterbukaan yang ada dalam UMNO di bawah pimpinan sekarang. -- BERNAMA

HT OBA